

Headline	Mubrak Melaka bantah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	22
ArticleSize	49 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,915		



Mubarak Melaka bantah

MELAKA 6 Dis. - Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Melaka menggesa kerajaan mengkaji semula kenaikan kadar purata tarif elektrik membabitkan peningkatan sebanyak 14.98 peratus yang dilihat membebankan orang ramai.

Setiausahanya, Datuk Md. Di A. Ghani berkata, Mubarak tidak bersetuju dengan kenaikan tarif tersebut yang akan dikuatkuasakan Januari ini kerana boleh membebankan khususnya golongan rakyat berpendapatan rendah.

Menurut beliau, Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu mengambil kira beban yang akan ditanggung rakyat, bukan menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham dalam syarikat tersebut semata-mata.

“Rakyat sebelum ini telah dibebankan dengan kenaikan harga minyak RON95 dan harga gula dan kali ini kenaikan tarif elektrik pula,” katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.